

Modul PBD

1. Hak kanak-kanak dari segi kehidupan:

- Hak untuk hidup dan membesar dengan sihat
- Hak untuk mendapatkan makanan, pakaian dan tempat tinggal yang sempurna

Hak kanak-kanak dari segi perlindungan:

- Hak untuk dilindungi daripada dadah, penjahat dan kecederaan
- Hak untuk dilindungi daripada semua pihak seperti ibu bapa, orang dewasa dan agensi kerajaan

Hak kanak-kanak dari segi perkembangan:

- Hak untuk belajar di sekolah
- Hak untuk belajar dengan sempurna

Hak kanak-kanak dari segi penyertaan:

- Hak untuk berjumpa dengan kanak-kanak lain
- Hak untuk menyertai kelab atau persatuan
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

- (a) Menjamin kesihatan dan perkembangan kanak-kanak
- (b) Melindungi kanak-kanak daripada sebarang anasir jahat
- (c) Menjamin masa depan kanak-kanak yang cerah dan cemerlang
- (d) Membantu kanak-kanak hidup dan membesar dengan sempurna
- (e) Menjadikan kanak-kanak sebagai orang yang berilmu pengetahuan dan aset negara
- (f) Menjadikan kanak-kanak sebagai insan yang berguna kepada agama, masyarakat, bangsa dan negara
- (g) Mengasah bakat, mengembangkan potensi dan meningkatkan kemahiran interaksi kanak-kanak dengan orang lain
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

- (a)
 - Menyediakan perkhidmatan perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak daripada bahaya seperti terbiar, penganiayaan dan penderaan
 - Memberikan penekanan kepada perkembangan kanak-kanak dari segi fizikal, emosi, sosial dan mental
- (b)
 - Menguatkuasakan undang-undang berkaitan dengan pelanggaran hak asasi kanak-kanak
 - Menahan, menyiasat dan mengumpul bukti sesuatu kes berkaitan dengan kanak-kanak
- (c)
 - Meningkatkan tahap kesedaran tentang keperluan membanteras pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran, terutamanya kanak-kanak
 - Memperkukuh prosedur penguatkuasaan dan meningkatkan kerjasama pelbagai pihak
- (d)
 - Melaksanakan program kesedaran berkaitan dengan keselamatan diri kanak-kanak di rumah, sekolah dan tempat awam
 - Memberikan semangat dan motivasi kepada kanak-kanak yang bermasalah kembali ke pangkal jalan
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

- (a)
 - Kanak-kanak di bawah perintah mahkamah
 - Kanak-kanak yang terbiar atau ditinggalkan oleh ibu bapa
 - Kanak-kanak yang tidak mempunyai ibu bapa atau penjaga
 - Kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan atau pengabaian
- (b)
 - Pendidikan formal sama seperti kanak-kanak di luar
 - Latihan kemahiran yang sesuai dengan potensi dan bakat yang dimiliki oleh kanak-kanak
 - Program bimbingan dan kaunseling untuk membentuk personaliti dan tingkah laku yang baik dan cemerlang
- (c)
 - Gembira dan bersyukur
 - Memberikan tempat perlindungan kepada kanak-kanak yang bernasib malang
 - Memastikan semua kanak-kanak menikmati hak asasi yang sepatutnya
- (d)
 - Mendermakan wang dan barang-barang keperluan asas
 - Melawat rumah perlindungan kanak-kanak untuk menemani mereka melakukan pelbagai aktiviti
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

- (a)
 - Menjejaskan perkembangan mental dan fizikal
 - Cenderung menjadi pendera pada masa hadapan
 - Tiada keyakinan diri
- (b) (i)
 - Sentiasa peka terhadap keadaan di sekeliling
 - Membuat laporan kepada pihak berkuasa jika mengetahui berlakunya kes penderaan kanak-kanak
- (ii)
 - Menguatkuasakan undang-undang
 - Melindungi kanak-kanak daripada semua bentuk penderaan yang dilakukan oleh anggota keluarga atau pengasuh
- (c)
 - Kanak-kanak ialah aset negara
 - Kanak-kanak berhak mengecapi kehidupan yang selamat dan bahagia seperti orang biasa
 - Kanak-kanak ialah golongan yang tidak berdosa
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

Power KBAT

- (a) Penculik ingin mendapatkan wang tebusan
- (b) Penculik mahu membalas dendam terhadap ibu bapa kanak-kanak tersebut
- (c) Penculik ingin menjadikan kanak-kanak tersebut sebagai buruh paksa di luar negara
- (a) (i) Menguatkuasakan undang-undang secara tegas
- (ii) Mengenakan hukuman yang lebih berat kepada penculik
- (b) (i) Mengajar anak-anak tentang cara-cara mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penculikan
- (ii) Menasihati anak-anak agar tidak bercakap dengan orang yang tidak dikenali
- (a) Mencatatkan nombor pendaftaran van tersebut
- (b) Membuat laporan kepada pihak polis
(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)